

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2015)**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN  
[INDERA MAHKOTA ]**

**SOALAN :**

**YB Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [ Indera Mahkota ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah pungutan zakat tahun 2014 serta negeri-negeri yang mengalami penurunan pungutan zakat berbanding tahun sebelumnya dengan butiran pungutan zakat setiap negeri dan nyatakan kegunaan zakat mengikut asnafnya. Adakah kutipan zakat oleh agensi-agensi Persekutuan dihabiskan setiap tahun atau ada unsur-unsur simpanan darinya.

**JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN  
HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN  
PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, di bawah Butiran 1, Senarai 2, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan, hal-ehwal Agama Islam termasuklah urusan zakat terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Oleh itu, persoalan mengenai jumlah **hasil kutipan zakat dan agihan zakat** di negeri-negeri seharusnya dirujuk kepada pihak berkuasa agama negeri masing-masing.

Secara dasarnya, wang zakat yang dikutip akan **diagihkan sepenuhnya** pada tahun zakat dikutip dan tidak disimpan. Walau bagaimanapun, berdasarkan trend pembayaran zakat yang dapat dilihat sejak sekian lama, jumlah kutipan zakat pada penghujung tahun khususnya pada bulan Disember mencatatkan jumlah yang besar berbanding bulan-bulan sebelumnya. Sebagai contoh, di Wilayah Persekutuan, kutipan zakat oleh Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) pada hari terakhir tahun 2014 iaitu pada 31 Disember 2014 sahaja mencatatkan jumlah sebanyak RM24.92 juta. Jumlah yang besar ini tentunya tidak dapat terus habis diagihkan pada tahun berkenaan.

Namun, berdasarkan kaedah pengurusan zakat di Wilayah Persekutuan dan negeri-negeri lain, apabila memasuki tahun berikutnya, wang zakat tersebut akan dihabiskan secepat mungkin melalui aktiviti-aktiviti agihan zakat masing-masing.

Sekian, terima kasih.